



PANDUAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN GENERATIF (KBG) DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

Senarai Rekod Kelulusan

Tarikh kuatkuasa	Kelulusan	Keterangan
15 Februari 2024	Kelulusan Mesyuarat Senat Ke-219 Bil. 1/2024 pada 15 Februari 2024	-

**Pusat Inovasi Dan Daya Saing Akademik (PIDA), Jabatan Canseleri
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah.**

KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN.....	3
2.0	TUJUAN.....	4
3.0	PANDUAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KBG.....	5
4.0	INTEGRITI AKADEMIK.....	10
5.0	PENUTUP.....	11

PANDUAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KECERDASAN BUATAN GENERATIF (*GENERATIVE ARTIFICIAL INTELLIGENCE*) DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH

1.0 PENGENALAN

Seiring dengan kewujudan dan perkembangan teknologi Kecerdasan Buatan Generatif (KBG), ianya didapati mempengaruhi landskap persekitaran akademik terutamanya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta penyelidikan dalam pendidikan tinggi. Teknologi KBG ini berupaya untuk menghasilkan maklum balas dan menganalisis input yang dimasukkan pengguna ketika masa nyata (*real time*). KBG adalah satu bentuk teknologi yang dibangunkan untuk melakukan tugas atau fungsi yang mirip dengan pemikiran manusia.

KBG adalah merujuk kepada teknologi yang menggunakan algoritma dan model matematik untuk menghasilkan data, gambar, suara, dan tulisan dengan kemampuan yang hampir menyerupai manusia. Teknologi ini memanfaatkan pendekatan pembelajaran mesin (*machine learning*) dan jaringan saraf (*neural network*) untuk menghasilkan output yang lebih kompleks dan lebih mirip dengan output yang dihasilkan oleh manusia.

Kelebihan teknologi KBG seperti ChatGPT bagi sektor pendidikan dapat menjadikan proses PdP lebih unik dan pantas sekiranya digunakan secara beretika dan berintegriti. Sebaliknya, teknologi ini akan menggalakkan plagiarisme jika aplikasi ini digunakan secara tidak beretika.

Sehubungan dengan itu, panduan ini perlu dibangunkan agar penggunaan teknologi KBG dapat digunakan di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) secara efektif dan efisien.

2.0 TUJUAN

Tujuan utama garis panduan ini dibangunkan adalah:

- a. Memberi panduan penggunaan teknologi KBG bagi tujuan pembelajaran dan penyelidikan kepada staf akademik serta para pelajar.
- b. Menyediakan rujukan bagi menangani sebarang isu dalam penggunaan teknologi KBG dalam kalangan staf akademik dan pelajar.
- c. Membantu pelajar untuk belajar secara mandiri dan meningkatkan pemahaman pelajar tentang bahan kuliah dan penyelidikan.
- d. Memanfaatkan KBG sebagai alat bantu penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran kepada staf akademik dan para pelajar.
- e. Memastikan penggunaan teknologi KBG di UMPSA adalah beretika, selamat, bertanggungjawab, serta mematuhi peraturan dan garis panduan yang sedia ada supaya tidak mendorong ke arah plagiarisme.

3.0 PANDUAN PENGGUNAAN TEKNOLOGI KBG

Penggunaan teknologi KBG ini pada dasarnya adalah dibenarkan bagi tujuan untuk memaksimumkan manfaat yang diperolehi. Namun begitu, penggunaan teknologi KBG ini perlu menepati ciri-ciri seperti berikut:

- a. **Tanggungjawab Menghindari Plagiarisme:** Adalah menjadi tanggungjawab pelajar bagi memastikan larangan terhadap plagiarisme dipatuhi. Pelajar sendiri harus memastikan kandungan dan informasi yang diperolehi adalah sah. Adalah disarankan agar pelajar hendaklah sebaiknya mengolah semula informasi yang dibekalkan menjadi penulisan asli. Seterusnya, pelajar wajib menyediakan dan melengkapi sumber rujukan yang tepat. Maklumat yang disediakan tanpa sumber rujukan boleh dianggap sebagai plagiarisme.


- b. **Tanggungjawab Membimbing:** Staf akademik perlu memantau proses pembelajaran pelajar dan memberi bimbingan serta maklum balas yang tepat. Proses ini bermaksud komunikasi dan pembelajaran dua hala antara staf akademik dan pelajar hendaklah dilakukan bagi memastikan hasil pembelajaran yang berkualiti dari maklumat yang diperolehi.

- c. **Penggunaan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP):** Penggunaan teknologi KBG dibenarkan dengan tujuan membantu pelajar memperolehi maklumat baharu, meningkatkan kemampuan kognitif, dan memudahkan proses PdP.

- d. Penggunaan dalam Melibatkan Peperiksaan: Teknologi KBG adalah sama sekali tidak dibenarkan dalam mana-mana peperiksaan atau yang setara dengannya, sama ada secara bersemuka atau pun secara dalam talian.
- e. Penggunaan dalam Penulisan Karya Akademik dan Penyelidikan: Penghasilan karya akademik dan penyelidikan adalah berdasarkan pemahaman, pemerhatian dan daya pemikiran kritis yang dimiliki oleh pelajar sendiri. Pelajar perlu memetik sumber rujukan yang diberikan oleh teknologi KBG dan menyemak kesahihan informasi berasaskan sumber yang berautoriti. Staf akademik perlu memastikan tiada penyelewengan data, pengambilan informasi tanpa rujukan yang benar, dan informasi yang salah dimasukkan dalam penulisan akademik yang dihasilkan oleh pelajar.

Secara majoriti, pada ketika ini, penggunaan teknologi KBG sebagai penulis bersama dalam penulisan berkaitan penyelidikan dan inovasi seperti penerbitan artikel adalah tidak diterima oleh penerbit dan penyelidik di serata dunia. Oleh yang demikian, UMPSA mengambil ketetapan untuk tidak menerima status teknologi KBG sebagai penulis bersama dalam mana-mana penulisan yang melibatkan penyelidikan dan inovasi.

Senarai secara operasi jenis-jenis atau alat bantuan KBG yang dibenarkan penggunaannya bagi rujukan dan dokumen perpustakaan adalah seperti berikut:

Penyelidikan/Teks	
Audio	
Imej/Video/Reka bentuk	
Kod	

3.1 Saranan peranan staf akademik dalam penggunaan teknologi KBG adalah seperti berikut:

- a. Membenarkan pelajar menggunakan aplikasi KBG seiring dengan kewujudan dan perkembangan teknologi.
- b. Mengadakan perbincangan dengan pelajar mengenai potensi masalah (*potential problems*) dan keterbatasan (*limitations*) teknologi KBG.
- c. Menetapkan peraturan dan panduan penggunaan teknologi KBG yang boleh diterima untuk proses pembelajaran dan penyelidikan.

- d. Memahami secara umum tentang teknologi KBG dan cara menggunakannya dalam penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.
- e. Menambah baik bahan pengajaran dan penilaian dengan mewujudkan pelbagai aktiviti dalam kelas, sumber bahan pengajaran, dan penilaian yang boleh membawa kepada pengalaman pembelajaran yang lebih berkesan dan menarik untuk pelajar.
- f. Merangsang pemikiran kritis dalam kalangan pelajar melalui penggunaan teknologi KBG.
- g. Memupuk budaya integriti dan mendidik pelajar tentang cara menggunakan teknologi KBG secara jujur dan beretika.
- h. Memberi pendedahan mengenai impak penulisan akademik yang tidak berkualiti kepada kredibiliti institusi akademik dan pembangunan kemajuan manusia.
- i. Mengguna pakai alat pengesanan plagiarisme yang boleh mengenal pasti secara berkesan kandungan yang dijana teknologi KBG atau potensi penyalahgunaan teknologi KBG dalam kerja akademik seperti Turnitin, GLTR, GPTZero, AI-Content-Detector, Originality.AI dan lain-lain.
- j. Memantau dan menilai kesan teknologi KBG terhadap integriti akademik secara berkala dengan membuat pelarasan dan

penambahbaikan yang diperlukan terutamanya untuk kursus-kursus dan penyelidikan yang dikelola.

- k. Mengingatkan pelajar tentang kepentingan undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan serta arahan-arahan yang berkuat kuasa di UMPSA berkenaan larangan terhadap plagiarisme dalam bidang akademik dan penyelidikan.

3.2 Tanggungjawab pelajar dalam penggunaan teknologi KBG adalah seperti berikut:

- a. Pelajar hendaklah mematuhi segala peraturan dan panduan penggunaan teknologi KBG yang telah ditetapkan oleh staf akademik kursus berkenaan.
- b. Pelajar hendaklah menghindari plagiarisme. Maklumat dari teknologi KBG hendaklah diolah agar menjadi penulisan asli pelajar. Plagiarisme merupakan kesalahan tata tertib yang serius dan boleh dikenakan hukuman tata tertib di UMPSA.
- c. Pelajar hendaklah menyediakan sumber rujukan berkualiti dan tepat dalam setiap tugas dan penulisan yang dibuat. Maklumat yang disediakan tanpa sumber rujukan boleh dianggap sebagai plagiarisme.
- d. Pelajar bertanggungjawab memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan meneliti kesahihan maklum balas yang diberikan. Ini

kerana maklumat daripada teknologi KBG terdedah kepada kesalahan fakta, berita palsu, unsur berat sebelah, salah tafsir dan lain-lain.

4.0 INTEGRITI AKADEMIK

Dalam konteks penggunaan teknologi KBG, adalah penting untuk sentiasa menekankan integriti akademik bagi mengelak kesalahan akademik. Ini termasuk:

- a. *Petikan dan Atribusi (Citation and Attribution)*: Semasa mengumpulkan maklumat dari sumber teknologi KBG, staf akademik dan pelajar perlu memastikan sumber data adalah tepat, serta memetik dan merujuk kepada penulis atau penerbitan asal, bukannya sumber dari teknologi KBG.
- b. *Plagiat*: Staf akademik dan pelajar perlu mematuhi undang-undang, kaedah dan peraturan, arahan-arahan, serta dasar dan panduan universiti yang berkuat kuasa bagi memastikan tiada unsur-unsur plagiat dalam pekerjaan yang dijalankan.
- c. *Etika Penggunaan Data*: Jika teknologi KBG digunakan untuk menganalisis data sulit, staf dan pelajar perlu memastikan bahawa data tersebut digunakan secara beretika dan diisolasikan (*sandbox*) dengan betul. Staf akademik dan pelajar perlu mendapatkan data tersebut secara sah dengan mendapatkan kelulusan dan persetujuan yang sewajarnya.

- d. Keterbatasan Output Teknologi KBG: Ketika menggunakan teknologi KBG dalam melaksanakan tugas-tugas di universiti, staf akademik dan pelajar perlu menyedari bahawa teknologi KBG mempunyai had tersendiri dan mungkin menghasilkan keputusan yang tidak tepat atau komprehensif. Oleh itu, sebagai pengguna, staf akademik dan pelajar perlu menilai output yang dihasilkan oleh teknologi KBG secara kritis dan melakukan semakan untuk memastikan maklumat adalah tepat dan boleh dipercayai.
- e. Deklarasi: Pelajar perlu membuat deklarasi sekiranya menggunakan teknologi KBG dalam setiap tugas dan penulisan yang dibuat dengan menyatakan jenis teknologi KBG, kata bantuan (*prompt*) yang digunakan serta tarikh penggunaannya.

5.0 PENUTUP

Berdasarkan perkembangan semasa, penggunaan teknologi KBG wajar dipertimbangkan penggunaannya dengan mengambil kira aspek-aspek utama seperti amalan beretika, serta kualiti akademik dan penyelidikan di UMPSA.